



TADIKA INOVASI BESTARI (J5AA059)

11, Jalan Dahlia, Taman Bukit Dahlia,
81700 Pasir Gudang, Johor.

☎ : 019-7741400

Laman Web : <http://pintarbistari.edu.my>

Email : pintarbistari@gmail.com

Kepada :
Ibubapa /Penjaga

Tarikh : 30 Disember 2019

Ruj : TIB 01/2020

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Tuan / Puan

PER : MAKLUMAN JANUARI 2020

1. CUTI KHAS

- Cuti Khas ini diberikan kepada semua murid pada **1 Januari 2020 (Rabu)** bagi membolehkan ibu bapa menguruskan persekolahan anak-anak yang lain.
- Walaubagaimanapun tadika akan beroperasi seperti biasa pada hari tersebut. (8.00 pagi ~ 5.00 petang).
- **Murid akan bersekolah seperti biasa pada 2 Januari 2020 (Khamis).**

2. JADUAL WAKTU

- a) Bersama-sama ini disertakan jadual waktu bagi setiap kelas. Jadual ini akan digunakan mulai **5 Januari 2020 (Ahad)**.
- b) Ibu bapa diminta **menyemak jadual** anak-anak setiap hari bagi mengelakkan ada buku yang tertinggal.
- c) Bagi hari yang mempunyai subjek Pendidikan Jasmani (PJ) dan aktiviti renang (mengikut jadual renang), pelajar mestilah **memakai pakaian sukan dari rumah. Uniform tidak perlu dibekalkan.**

3. LAMPIRAN PERATURAN TADIKA

- a) **Peraturan Tadika & Dasar Kutipan Yuran bagi tahun 2020 dikongsikan dalam Group WhatsApp Tadika.**
- b) Ibu bapa diminta membaca dengan teliti segala peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak tadika.
- c) Sila pulangkan keratan yang telah ditandatangani (peraturan tadika dan kebenaran renang) untuk dimasukkan ke dalam fail peribadi murid sebelum atau pada **9hb Januari 2020 (Khamis).**

4. CUTI TAHUN BARU CINA

Tarikh bercuti : **23hb (Khamis) – 27hb (Isnin) Januari 2020.**

Tadika akan beroperasi seperti biasa **pada 28 Januari 2020 (Selasa).**

5. PERKHIDMATAN VAN

- a) Bayaran van hendaklah dibuat secara terus dengan pemandu **tanpa melalui pihak tadika.**
- b) Pelajar diminta menunggu di luar rumah / lorong dengan berpakaian lengkap.
- c) **Senarai harga tambang van terkini dan no telefon pemandu van, sila rujuk kepada Guru Besar.**

6. PARENTING PROGRAM & SUBJEK PENERANGAN BACALAH ANAKKU (MURID 5 TAHUN).

Tarikh : 18hb Januari 2020 (Sabtu) dan 8hb Februari 2020 (Sabtu)

Tempat : TS Hotel, Tmn Scientex

Kepada ibubapa yang masih belum mendaftar, sila gunakan link ini untuk mendaftar http://bit.ly/program_keibubapaan

7. SESI BERGAMBAR KELAS

- Sesi bergambar untuk semua kelas (pagi & petang) akan diadakan pada **14hb Januari 2020 (Selasa). Gambar ini akan dimasukkan di laman web tadika.**
- Bagi kelas-kelas yang ada aktiviti Pendidikan Jasmani (PJ) pada hari tersebut, aktiviti ini akan dibatalkan dan semua murid **dikehendaki memakai uniform tadika** . Sila pastikan anak-anak hadir pada hari tersebut.

Sekian, untuk makluman. Sila ★ (starred message) **makluman** ini untuk rujukan tuan/puan. Kerjasama & perhatian dari tuan/puan amat diperlukan. Jika terdapat sebarang pertanyaan & kemusykilan, sila hubungi pihak tadika. Terima kasih.

'Bersatu Untuk Mendidik'

Yang benar,
MyBistari Group